



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA  
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR  
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | [www.kraftangan.gov.my](http://www.kraftangan.gov.my) |   KRAFTANGAN MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### SESI WALKABOUT FESTIVAL KRAF UTARA 2025

**KANGAR 26 JULAI 2025-** Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) hari ini mengadakan Sesi *Walkabout* bersempena Festival Kraf Utara (FKU) 2025 yang bermula pada 24 Julai hingga 4 Ogos 2025 mulai jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam bertempat di Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis.

Sesi *Walkabout* ini disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat, Tuan Mohd Shukri Bin Ramli, Menteri Besar Perlis. Hadir sama, Yang Berhormat Tuan Abu Bakar Hamzah, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis (Pelancongan, Seni dan Budaya/ Pembangunan Luar Bandar). Diiringi oleh, Yang Berbahagia Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Kraftangan Malaysia dan Pengurusan Tertinggi Kraftangan Malaysia.

Pada Sesi *Walkabout* ini, tetamu kehormat menyantuni 70 orang usahawan kraf yang terlibat reruai aktiviti Jualan Kraf. Penganjuran FKU 2025 juga turut melibatkan penyertaan daripada komuniti kraf baharu yang dibangunkan di bawah Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK). Aktiviti jualan komuniti kraf baharu melibatkan penyertaan daripada 24 PPKK dari empat buah negeri iaitu Perlis (7 PPKK), Kedah (11 PPKK termasuk Pulau Langkawi), Perak (5 PPKK) dan Pulau Pinang (1 PPKK). Jualan produk kraf oleh komuniti kraf baharu ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman dalam memasarkan produk kraf secara langsung kepada pelanggan.

Selain itu, tetamu kehormat turut melihat Pameran Produk Kraf Baharu yang beridentitikan Negeri. Produk kraf baharu ini menampilkan olahan reka corak dan motif dari Negeri Kedah, Langkawi, Perak dan Pulau Pinang. Antaranya, produk kraf tekstil batik, aksesori, kasut manik, kotak cenderamata, hiasan dinding, anyaman tudung saji dan wau hiasan.

Sempena Sesi Walkabout ini juga, tetamu kehormat turut menyampaikan Sijil Penghargaan Rakan Strategik Industri Kraf Negeri Perlis serta penglibatan menjayakan FKU 2025 kepada 31 jabatan dan agensi terlibat. **-TAMAT-**